

Tragedi MH370 Tidak Akan Beri Kesan Hubungan Malaysia-China
Bernama
2 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Kerajaan China amat berbesar hati dan menghargai usaha kerajaan Malaysia dalam operasi mencari pesawat penerbangan Malaysia Airlines Penerbangan MH370.

Duta Besar China di Malaysia Huang Huikang juga menyifatkan usaha Malaysia sebagai 'cemerlang'.

Beliau menambah bahawa kejadian itu tidak akan menjejaskan hubungan baik antara Kuala Lumpur dan Beijing, namun ia sebaliknya telah mewujudkan persefahaman yang mendalam antara Malaysia dan China.

Ia akan membantu kedua-dua negara mengambil peluang untuk terus mempertingkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang, katanya dalam sidang akhbar di Kedutaan China di sini hari ini.

"Malaysia dan China adalah keluarga, kami merupakan rakan kongsi yang baik, kami adalah kawan dan jiran yang baik. Jangan bimbang...ini hanya satu insiden yang tidak memberi kesan kepada hubungan baik kita," katanya.

"Saya juga mendapati, sejak dari awal lagi Malaysia telah memainkan peranan penting dalam operasi SAR (mencari dan menyelamatkan). Bekerja keras dan telah melakukan banyak usaha untuk menjaga keluarga penumpang pesawat dari China.

"Kami berterima kasih kepada rakyat Malaysia atas persahabatan anda terutamanya para sukarelawan. Ketika dalam waktu yang sukar ini dan sentiasa berada di sisi," tambahnya.

Huang juga menolak spekulasi bahawa kerajaan Malaysia cuba untuk menyembunyikan maklumat dan menegaskan bahawa ketelusan itu boleh dilihat melalui taklimat harian media oleh pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

"Apa yang boleh saya katakan, sikap yang diambil oleh Malaysia dalam menangani kejadian ini sangat serius. Saya percaya kerajaan Malaysia telah melakukan yang terbaik," katanya.

Mengenai taklimat teknikal secara tertutup kepada anggota keluarga penumpang warga China di Hotel Bangi-Putrajaya di Bangi dekat sini hari ini, Huang berkata taklimat yang berlangsung selama tiga jam berjalan dengan baik dengan 21 soalan ditanya dan dijawab.

"Taklimat itu membantu keluarga warga China memahami keadaan dan mempertingkatkan perasaan saling mempercayai. Kami berpuas hati dengan keputusan dan menghargai usaha Malaysia," katanya.

Penerbangan pesawat MAS MH370 yang membawa 227 penumpang termasuk 152 warga China dan 12 anak kapal hilang pada 8 Mac setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 tengah malam.

Pesawat itu sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari yang sama.

Pada 24 Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bahawa laluan penerbangan MH370 'berakhir' di selatan Lautan Hindi.

Beliau membuat pengumuman itu berdasarkan analisis yang belum pernah digunakan sebelum ini oleh data satelit milik syarikat United Kingdom, Inmarsat dan Cawangan Siasatan Kemalangan Udara United Kingdom (AAIB) yang menunjukkan pesawat MH370 terbang di sepanjang koridor selatan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027312>